# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI SELURUH KAWASAN KILANG BESGRADE PLYWOOD SDN. BHD., POKOK SENA, KEDAH DARUL AMAN.

Dikemaskini pada 8 Julai 2021

## Aktiviti dibenarkan

- Pergerakan **keluar dan masuk perkhidmatan perlu** sahaja
- Mendapatkan **rawatan kesihatan dan kecemasan**

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan di dalam kawasan PKPD **tanpa kebenaran PDRM**
- Pergerakan keluar masuk ke kawasan PKPD **tanpa kebenaran PDRM**

## Aktiviti Tetap

- **Subseksyen 11(3) Akta 342**;
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM;
- Lain-lain arahan dari masa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberikuasa di bawah **Akta 342**.

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti keterangan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Kawasan Terlibat** | **Seluruh Kawasan Kilang Besgrade Plywood Sdn. Bhd., Pokok Sena, Kedah** |
| **Tempoh Kuatkuasa** | **10 Julai 2021, jam 12.00 pagi sehingga 23 Julai 2021, jam 11.59 malam** |
| **Kawalan Pergerakan** | • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM dan RELA. **Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup** dan dikawal kemasukan oleh PDRM.<br>• Pergerakan keluar/masuk dalam kawasan PKPD adalah **TIDAK DIBENARKAN**.<br>• Pergerakan keluar/masuk kawasan PKPD bagi kes kecemasan seperti mendapatkan rawatan kesihatan dan kematian, **DIBENARKAN** setelah mendapatkan kebenaran daripada PDRM dan KKM berdasarkan ***case to case basis.***<br>• Semua penghuni/pekerja dalam kawasan PKPD **TIDAK DIBENARKAN** keluar dari kediaman/asrama masing-masing KECUALI bagi urusan pembersihan diri dan lain-lain keperluan mendesak.<br>• Pelawat luar **TIDAK DIBENARKAN** masuk sepanjang tempoh PKPD.<br>• Pergerakan keluar masuk untuk perkhidmatan perlu berkaitan pengoperasian dalam kawasan perindustrian seperti bekalan bahan bermasak, syarikat pengurusan sisa pepejal, syarikat pengurusan sisa klinikal dan lain-lain dibenarkan hanya dengan kebenaran PDRM. |
| **Saluran Makanan dan Barang Keperluan Asas** | • Pemberian bantuan bekalan makanan dan keperluan asas diuruskan oleh pihak Pengurusan Kilang Besgrade Plywood Sdn. Bhd.<br>• Pemberian bantuan bekalan makanan dan keperluan asas diagihkan oleh pihak Pengurusan Kilang Besgrade Plywood Sdn. Bhd. dan dibantu oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah.<br>• Sumbangan makanan dan barangan keperluan dari NGO, ADUN kawasan dan lain-lain sumber akan diselaraskan oleh PKOB Daerah. |
| **Aktiviti Dalam Kawasan PKPD** | • Aktiviti sosial, keagamaan di masjid/surau dan rumah ibadat selain Islam, rekreasi dan budaya adalah **TIDAK DIBENARKAN.**<br>• Saringan secara bersasar di dalam kawasan PKPD akan dilaksanakan oleh KKM.<br>• **APA-APA AKTIVITI YANG TIDAK DINYATAKAN DALAM SOP INI ADALAH TIDAK DIBENARKAN.** |